

DOA

RASULULLAH UNTUK TAIIF

■ **Baginda berdepan penentangan dan penghinaan ketika berdakwah kepada penduduk kota berkenaan**

Mohd Fadly Samsudin
fadly@hmetro.com.my

METRO BHAW (07/04/2019 M/S)

perjuangan Baginda ber-
dākwah ke bumi Taif itu
cukup membuatkan kita
berasa insaf.

Bagaimana Baginda
diperlakukan dengan begitu
teruk sekali oleh penduduk
Taif.

Bagaimanapun, tidak ada
sedikit pun rasa dendam di
hati Rasulullah terhadap
penduduk Taif yang menyaki-
tubuhnya.

Walaupun pelbagai
penghinaan dan kata-kata
nista dilemparkan selain
mengharungi kesakitan te-

kan dua bukit di Makkah 59
iaitu Bukit Abu Qubais dan
Bukit Qaayqan ke atas
bumi Taif kerana terla-
lu sedih melihat keadaan
Rasulullah diperlakukan
sedemikian rupa oleh pen-
duduk Taif.

Bagaimanapun, Baginda
menolak. Sebaliknya, Bagin-
da berdoa supaya ada ketu-
runan yang lahir dari bumi
Taif akan menerima serta
mengembangkan syiar Islam
hingga ke seluruh dunia.

Perkembangan Islam di
bumi Taif dapat kita lihat

Di bawah kaki bukit Taif,
terdapat satu kawasan dibi-
na taman tema dinamakan
'Alkur Amusement Park'.

Di sana, kita boleh
menaiki Taboggan dengan
hanya membayar Saudi Ri-
yal (SR20) bersamaan RM21
untuk satu pusingan.

Ia sangat mengujakan
kerana kita dapat melihat
secara dekat pemandangan
bentuk muka bumi bukit
batu di Taif.

Malah, Taboggan amat
mudah untuk dikendalikan.
Hanya perlu menjaga pedal
brek tangan untuk me-
ngawal kelajuan semasa ia
menggelungsur.

Terdapat juga sebuah ga-
leri di kawasan berkenaan.
Di dalam galeri itu terdapat
maklumat berkaitan sejarah
kota Taif.

Bagi jemaah yang kali
pertama menaiki kereta
kabel itu, mungkin berasa
sedikit gayat pada awalnya,
tetapi apabila melihat ke
bawah dapat dilihat denai-
denai yang menjadi laluan
Rasulullah dari bawah hing-
ga ke puncak Al-Hada.

Selain itu, boleh juga

disaksikan perkembangan
kaum Badwi serta haiwan
ternakan seperti unta dan
kambing di sepanjang per-
jalanan.

Waktu itu, air mata tidak
dapat ditahan lagi me-
ngenangkan pengorbanan
Baginda.

Pemandangan indah
sepanjang melalui bukit
batu hingga ke puncak Al-
Hada amat memberi kesan.
Stesen kereta kabel itu akan
berhenti di hotel Ramada
Al-Hada.

Suhu di puncak seperti
sedang berada di Came-
ron Highlands. Bas akan
menunggu jemaah untuk
membawa ke destinasi
seterusnya seperti ke Masjid
Abdullah Ibn Abbas, Masjid
Addas dan Masjid Kouk
(Siku).

Dikatakan Baginda per-
nah singgah berehat akibat
kesakitan serta berdoa di
sana.

Taif juga adalah bumi
subur di Arab Saudi. Pelbagai
jenis tanaman dan buah-
buahan terdapat di sana.

Di situ juga tempat
menghasilkan wangian

dariapa bunga ros. Lebih
10,000 kuntum bunga
ros yang digunakan bagi
menghasilkan wangian
berkualiti tinggi.

Rata-rata pengilang
masih menggunakan cara
tradisional dalam mempro-
ses minyak wangi. Wangian
dari Taif akan dieksport ke
Bulgaria, Turki, India, China
Russia dan Maghribi.

Jenama 'Thaif Rose'
adalah wangian termahal di
dunia. Wangian itu juga dile-
takkkan di kelambu Kaabah.

Sekiranya berpeluang, te-
rus ke puncak pergunungan
As Shafa. Ia adalah puncak
tertinggi di Taif dengan
ketinggian melebihi 2,000
meter dari aras laut.

Iklim yang sejuk menjadi
faktor utama sektor penana-
man buah-buahan tumbuh
subur di kawasan berke-
naan.

Sebelum pulang, jemaah
akan dibawa ke miqat
Qarnul-Manazil. Bagi je-
maah yang berhajat untuk
melakukan umrah sunat,
mereka perlu berniat di situ.

Miqat juga adalah tempat
miqat bagi penduduk Malay
sia yang datang dari tanah

gan dan penghinaan ketika Baginda berdakwah kepada penduduk kota berkenaan.

Perjalanan Rasulullah SAW ke Taif dengan hanya berjalan kaki itu ditemani pembantunya, Zaid bin Harithah.

Ia susulan Baginda terlalu sedih dengan kewafatan isteri kesayangan, Saidatina Khadijah dan bapa saudaranya, Abu Talib.

Tambahan pula Baginda mendapat tentangan hebat dan ancaman daripada kaum Quraisy di Makkah.

Lalu Baginda membuat keputusan untuk ke Taif bagi menyebarkan Islam dan ingin mendapatkan bantuan serta perlindungan.

Usaha Rasulullah bagaimanapun ditentang penduduk Taif. Lihatlah betapa mulianya akhlak Rasulullah.

Mengambil ibrah kisah

amat sehingga sampai ke seluruh tubuhnya bermandikan darah, namun Baginda tetap memaafkan penduduk Taif.


Baginda ditawarkan oleh Allah dengan mengutus malaikat Jibril supaya malaikat penjaga gunung menterbalikkan bumi Taif dengan cara menghempas-

pada hari ini. Kebiasaannya, jemaah haji dan umrah akan menggunakan khidmat bas, kenderaan pelbagai guna (MPV) atau kereta dari Makkah untuk ke Taif.

Kini, terdapat satu lagi cara untuk sampai ke puncak Al-Hada iaitu dengan menaiki kereta kabel.



KERETA kabel dari kaki Gunung Al-Hada ke Taif yang boleh memuatkan enam hingga lapan penumpang hanya mengambil masa 20 minit perjalanan untuk sampai ke puncak Taif.



LEBUH raya yang merentasi Banjaran Al-Hada iaitu lebih kurang 80 kilometer dari Makkah ke Taif yang hanya boleh dilalui kenderaan ringan.



SYAHRIZAL (empat dari kanan) bersama jemaah ketika miqat di Qarnul Manazil.



BATU tanda di Masjid Siku iaitu tempat Nabi SAW duduk bersiku selepas cedera dibaling batu oleh penduduk Taif.

air ketika hendak menaiki haji atau umrah.

Untuk berkongsi pengalaman menunaikan umrah, boleh e-mel ke fadly@hmetro.com.my

PROFIL

NAMA: Shahrizal Salleh

ASAL: Perak

KERJAYA:

● Mutawif Fadlim Travel

& Tours Sdn Bhd

● Pengurus Pemasaran

Fadlim Travel (Johor Bahru)

● Penceramah Akademi

Mutawwif Sdn Bhd

(Johor Corp)

● Pengarah Urusan

Halaqah Mukhlisin

Resources